



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

RINGKASAN EKSEKUTIF PELAN STRATEGIK ICT (PSICT) MAJLIS PERBANDARAN KLANG TAHUN 2012 - 2015

KESINAMBUNGAN ISP 2006 - 2010
& KAJIAN SEMULA ISP 2011 - 2015



MAJLIS PERBANDARAN KLANG
BANGUNAN SULTAN ALAM SHAH
JALAN PERBANDARAN, 41675 KLANG,
SELANGOR DARUL EHSAN
TEL: 03-33714741 @ 03-33711645
www.mpklang.gov.my

RINGKASAN EKSEKUTIF

1. PENGENALAN

Bagi memacu perkhidmatan ICT Majlis Perbandaran Klang (MPKlang) yang cemerlang, satu Pelan Strategik ICT (PSICT) diwujudkan untuk memperkukuhkan kemudahan dan penyampaian perkhidmatan khususnya dalam bidang ICT di samping melahirkan modal insan yang memiliki pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni selaras dengan tugas dan amanah yang perlu dilaksanakan oleh kakitangan MPKlang.

Dokumen PSICT MPKlang ini merupakan satu *blueprint* menjadi rujukan utama dalam pelaksanaan program dan projek ICT bagi tempoh 2012 hingga 2015. PSICT ini telah dibangunkan secara dalaman dan bersepadu bersama 12 PBT Selangor di bawah bimbingan pasukan perunding PSICT MAMPU yang diketuai oleh Dato' Zahari bin Othman.


Sebelum PSICT MPKlang 2012 – 2015 ini dibangunkan MPKlang telah lebih awal mempunyai Pelan Strategik ICT iaitu ISP 2006 – 2010, diikuti ISP 2011 – 2015 bagi melengkapkan perancangan ICT di MPKlang. Perancangan Pembangunan PSICT bagi 12 PBT Selangor secara bersepadu telah dimanfaatkan oleh MPKlang untuk membuat semakan semula ISP sedia ada seterusnya menyediakan PSICT bagi tempoh empat tahun yang mendatang (2012 -2015).

2. PENDEKATAN PROJEK

Pembangunan PSICT MPKlang menggunakan metodologi Analisa, Strategi dan Fomulasi (ASF) seperti di **Rajah 1** bagi menilai dan mengenalpasti keperluan bisnes dan ICT MPKlang dan seterusnya diterjemahkan melalui visi, misi dan teras strategik yang mengantungi strategi dan program bagi tempoh empat tahun iaitu 2012 – 2015. Metodologi ASF PSICT melalui tiga fasa pembangunan seeperti berikut:




- Fasa 1 (Analisa) : Penilaian persekitaran semasa bisnes dan ICT
- Fasa 2 (Strategi) : Pembentukan rangka kerja strategik ICT
- Fasa 3 (Formulasi) : Perancangan pelaksanaan program ICT yang dicadangkan



Rajah 1: Model ASF


Bagi memastikan keberkesanan serta kejayaan pelaksanaan projek pembangunan PSICT MPKlang, satu struktur tadbir urus telah diwujudkan.

CARTA STRUKTUR INDUK PSICT PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN KLANG



Rajah 2: Jawatankuasa Induk PSICT MPKlang

AHLI PASUKAN PEMBANGUN PSICT PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN KLANG



Rajah 3: Pasukan Pembangun PSICT MPKlang

3. VISI DAN MISI ICT

Hala tuju ICT ini diperjelaskan menerusi pernyataan Visi dan Misi ICT. Misi dan Visi ICT turut dibentuk agar lebih relevan dengan perkembangan ICT semasa dan dapat membawa pencapaian MPKlang sebagai sebuah organisasi berprestasi tinggi bertaraf dunia.

VISI ICT

Peneraju kecemerlangan penyampaian perkhidmatan perbandaran yang mesra pelanggan berteraskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) unggul 2015


MISI ICT

- ❖ **Memperkasakan pembangunan ICT yang mampan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.**
- ❖ **Memantapkan pembudayaan ICT dan perkongsian maklumat secara inovatif bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.**

Rajah 4: Visi dan Misi ICT MPKlang

4. TERAS STRATEGIK

PSICT ini menyediakan rangka dasar yang komprehensif, hala tuju, bidang fokus dan garis panduan pelaksanaan projek ICT yang terancang bagi melaksanakan agenda transformasi sistem penyampaian perkhidmatan ICT untuk tempoh empat tahun bermula 2012 hingga 2015. MPKlang telah menetapkan lima Teras Strategik ICT **Rajah 5**.



Rajah 5: Lima Teras Strategik ICT MPKlang



5. PROGRAM STRATEGIK ICT

Sebanyak 15 strategi dan 53 program ICT telah dikenal pasti sebagai strategi dalam pengukuhan pelaksanaan ICT di MPKlang bermula tahun 2012 sehingga tahun 2015. Strategi dan Program ICT mengikut Teras Strategik ICT yang dimaksudkan adalah seperti di jadual berikut :

TERAS STRATEGIK 1 PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT YANG SELAMAT, PANTAS DAN STABIL	
STRATEGI	PROGRAM
1. Pengukuhan infrastruktur ICT	1a Peningkatan keupayaan Sistem Rangkaian Setempat (LAN)
	1b Penaiktarafan capaian WAN / internet kepada 10 Mbps / Metro-E
	1c Migrasi Sistem Rangkaian IPV4 ke IPV6
	1d Penaiktarafan Pusat Data
	1e Pembangunan Storan Data secara berpusat
	1f Perluasan Infrastruktur ICT
2. Pengukuhan perkakasan dan perisian pengoperasian ICT	2a Kajian keperluan perkakasan dan perisian ICT
	2b Perolehan dan peningkatan perkakasan ICT
	2c Perolehan dan pembaharuan lesen perisian pengoperasian ICT
	2d Penyelenggaraan perkakasan dan perisian ICT secara berjadual
3. Pengukuhan kawalan dan keselamatan ICT	3a Penyediaan Pusat Pemulihan Bencana. (DRC – <i>Data Recovery Center</i>)
	3b Pembangunan Pelan Kesenambungan perkhidmatan. (BCP – <i>ICT Business Continuity Plan</i>)
	3c Penyediaan Pelan Risiko Keselamatan ICT dan Penilaian risiko

TERAS STRATEGIK 2 PENGUKUHAN APLIKASI ICT SECARA BERSEPADU DAN BERKESAN	
STRATEGI	PROGRAM
1. Pengukuhan Aplikasi sedia ada	1a Penilaian semula sistem-sistem utama
	1b Penambahbaikan sistem yang meningkatkan hasil dan Sistem Pengurusan Pejabat
	1c Perluasan penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) mengikut fasa
	1d Pengintegrasian sistem aplikasi



TERAS STRATEGIK 2 PENGUKUHAN APLIKASI ICT SECARA BERSEPADU DAN BERKESAN	
STRATEGI	PROGRAM
	1e Penyelenggaraan Sistem Aplikasi secara berkala
2. Pembangunan Aplikasi Baru	2a ICT Helpdesk
	2b Sistem pengurusan Latihan
	2c Sistem Pengurusan Rekod
	2d Sistem Pemantauan Penyelenggaraan dan Projek
	2e Pembangunan Portal Staf
	2f Pembangunan <i>K-Management</i> (Knowledge Management)
3. Pengukuhan Sistem Penyampaian Perkhidmatan online	3a Penaiktarafan Portal Rasmi MPK
	3b Penambahan perkhidmatan <i>online</i> secara jabatan

TERAS STRATEGIK 3 PENGUKUHAN TADBIR URUS ICT PBT	
STRATEGI	PROGRAM
1. Pemantapan struktur organisasi dan perkhidmatan ICT	1a Kajian keperluan penstrukturan semula Jabatan Teknologi Maklumat
	1b Penilaian keberkesanan jawatankuasa sedia ada
	1c Pewujudan jawatankuasa baru mengikut keperluan dan kesesuaian
	1d Penubuhan kumpulan pemikir dan pasukan tindakan khas
	1e Penubuhan pasukan CERT MPK.
	1f Penganugerahan ICT kepada kakitangan
2. Pengukuhan polisi dan prosedur ICT	2a Penilaian semula polisi, prosedur ICT sedia ada
	2b 1b. Penilaian semula <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP)
3. Pemantauan / Audit Penggunaan ICT	3a Pelaksanaan program turun padang bagi keperluan ICT kakitangan
	3b Kaji selidik keberkesanan perkhidmatan ICT
	3c Pelaksanaan program Integriti ICT – Amalan Dasar/Polisi keselamatan ICT



TERAS STRATEGIK 4 PEMANTAPAN MODAL INSAN DAN PEMBUDAYAAN ICT PBT	
STRATEGI	PROGRAM
1. Peningkatan pengetahuan dan kemahiran ICT Warga Kerja MPK	1a Pembangunan Pelan Latihan ICT yang komprehensif kepada kakitangan Teknikal, bukan teknikal ICT dan <i>Training of Trainer</i> (TOT)
	1b Penambahbaikan Modul Latihan ICT dalaman
	1c Pelaksanaan kursus dan latihan ICT
	1d Penerbitan Majalah Bulanan ICT dan risalah ICT
2. Peningkatan kesedaran dan pembudayaan ICT warga kerja MPK	2a Promosi, publisiti dan kempen kesedaran ICT
	2b Penganjuran Bengkel / Program Kesedaran ICT
3. Perkongsian maklumat / ilmu / teknologi baru	3a Perkongsian ilmu bersama agensi kerajaan dan swasta
	3b Kerjasama / perkongsian pintar dengan agensi kerajaan dan swasta
	3c Penempatan jangka pendek kakitangan di agensi luar bagi perkongsian kemahiran

TERAS STRATEGIK 5 PEMANTAPAN DAN PEMBUDAYAAN ICT KOMUNITI	
STRATEGI	PROGRAM
1. Perluasan Infrastruktur Dan Perkhidmatan ICT Komuniti	1a Perkhidmatan 1-SI (One Stop Information)
	1b Penyediaan Kemudahan internet bergerak i-3bus (internet, interaktif & informatif)
	1c Penyediaan i-kiosk untuk perkhidmatan MPK
2. Peningkatan tahap keselamatan maklumat dan transaksi atas talian (Online) kepada pelanggan	2a Penilaian tahap keberkesanan keselamatan maklumat komuniti
	2b Pengiktirafan MAMPU melalui pensijilan Trustmark (Malaysia Trustmark Sektor Awam-MTSA) untuk inisiatif GCERT (Government Certificate)
3. Pelaksanaan e-komuniti	3a Pembangunan Sistem i-Taman
	3b Penilaian Keberkesanan Sistem i-Taman



6. PELAN TINDAKAN

Pelan tindakan digariskan secara terperinci dan mengandungi butiran mengenai Aktiviti, Objektif Program, Faktor Kritikal Kejayaan, Tempoh Masa, Pemilik Program dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi setiap Program ICT. Pelan tindakan mengikut teras dan strategi ICT dihuraikan secara terperinci di dalam Bab 4.

7. PELAN PELAKSANAAN

Bagi memastikan program ICT yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan MPKlang akan menggunakan pendekatan pelaksanaan mengikut tahun. Pendekatan pelaksanaan mengikut tahun akan lebih memudahkan pengurusan tertinggi MPKlang memantau program ICT yang akan atau belum dilaksanakan pada tahun semasa. Pelaksanaan bagi teras strategik ICT ditunjukkan dalam **Rajah 6**.

	2012	2013	2014	2015
Infrastruktur ICT	Kajian Keperluan ICT	Pengukuhan kawalan Keselamatan -DRC,BCP ICT, Penilaian Risiko-		
	Perolehan keperluan ICT			
	Peningkatan Rangkaian LAN			
	Migrasi ke IPV6	Naiktaraf Capaian WAN		
	Penaiktarafan Pusat Data			
	Perluasan Infrastruktur iCT -Wifi, SSL VPN, Virtualisation, Cloud Computing-			
Aplikasi ICT	Penilaian semula sistem utama		Integrasi Sistem Aplikasi	
	Tambahbaik sistem -elesen,sewa,perakaunan,gaji,mymeeting & pengesanan Projek			
	Perluasan GIS			
	Penyelenggaraan Sistem			
	Pembangunan Sistem -ICT Helpdesk,sistem Pengurusan Rekod, Sistem latihan,k-knowledge-			
	Kajian penstrukturan ICT			
Tadbir Urus	Penilaian Keberkesanan audit sedia ada			
	Penilaian Keberkesanan Jawatankuasa Sedia Ada			
	Pewujudan Jawatankuasa Baru			
		Penubuhan Kumpulan Pemikir		
		Penubuhan pasukan CERT MPK		
	Penganugerahan ICT kepada kakitangan			
	Penilaian semula polisi			
Penilaian SOP				

Program turun padang semakan keperluan ICT Warga MPKlang				
Kaji Selidik Keberkesanan ICT				
Pelaksanaan program Integriti ICT – Amalan Dasar/Polisi keselamatan ICT				
Modal Insan	Kajian / tambahbaik Modul latihan sedia ada	Pembangunan Pelan Latihan ICT		
Komuniti		Pelaksanaan Kursus		
		Penerbitan Risalah ICT		
		Kempen Kesedaran ICT		
		Bengkel/Program Kesedaran ICT		
		Perkongsian Ilmu dgn agensi kerajaan/swasta		
		Perkongsian Pintar		
		Penempatan Jangka Pendek		
		Perkhidmatan 1-SI (One Stop Information)		
		Penyediaan Kemudahan internet bergerak i-3bus (internet, interaktif & informatif)		
		Penyediaan i-kiosk untuk perkhidmatan MPK		
		Penilaian keselamatan maklumat komuniti		
		Pembangunan dan penilaian i-taman		
	2012	2013	2014	2015

Rajah 6: Pelan Pelaksanaan Mengikut Tahun

Anggaran kos bagi tempoh empat tahun pelaksanaan telah ditentukan bagi program-program dan aktiviti yang dirangka. Komponen kos melibatkan kos *one-off* dan kos berulang. Sebanyak **RM 22.8 juta** dicadangkan bagi tujuan melaksanakan program-program dan aktiviti ICT MPKlang bagi tempoh 2012-2015.

Rajah 7 menunjukkan keseluruhan anggaran kos yang terlibat iaitu bagi Kos One Off/Pembangunan dan Kos Berulang/Penyelenggaraan :



Rajah 7: Anggaran Kos Pelaksanaan PSICT MPKlang



8. RUMUSAN

PSICT yang dihasilkan bertujuan untuk memastikan agar pelaksanaan rangkaian strategi dan program yang dirancang itu adalah tepat dan menuju ke sasaran-sasaran impak dan transformasi yang diharapkan. Ia juga meneliti tahap penggunaan, mengenalpasti pelbagai isu, cabaran dan kelemahan dalam pembangunan ICT. Di samping itu, ia akan memfokuskan ke arah mewujudkan penyampaian perkhidmatan ICT yang bersepadu, cekap dan berkesan melalui teknologi ICT terkini agar dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang secara berterusan kepada pelanggan MPKlang.

PSICT ini akan menjadi panduan dan rujukan sepanjang pelaksanaan projek ICT bagi tempoh tersebut. Justeru, dokumen ini hendaklah sentiasa dikaji semula dan dikemas kini dari semasa ke semasa jika perlu, bagi memastikannya sentiasa relevan dan seterusnya menjadi pembolehdaya strategik kepada usaha MPKlang untuk mencapai visinya ke arah mewujudkan Bandaraya Diraja Terbilang di Malaysia menjelang 2015.